

Abd Razak  
Hussin

Sebak didada menyaksikan dan mendengarkan ucapan Haji Arham Ishak, penerima Anugerah Maal Hijrah 1440 pertama peringkat Kampung Selayang Pandang pada 11 September 2018 bersamaan 1 Muharram 1440H lalu. Majlis berlangsung di Masjid Al-Muttaqin Selayang Pandang, Batu Caves Selangor. Mengenali beliau seorang yang sihat dan cergas 32 tahun lalu, kini menjelang usianya yang menjangkau 80-an, ucapan balas dan terima kasihnya sukar untuk difahami. Sebutannya pun sudah longgar dan tidak jelas lagi.

Namun sosok tua inilah yang pernah menerajui inisiatif mengisi pembangunan Kampung Selayang Pandang ketika beliau dan isterinya Hajah Kamariah dan empat anaknya berpindah ke kampung tersebut selepas bersara daripada perkhidmatan ketenteraan pada 1974. Pada waktu itu, sudah terdapat beberapa rumah yang didiami beberapa keluarga yang merantau dari kampung halaman masing-masing bermula 1970. Memang saru kelaziman, dirasakannya ada kecurigaan dalam penerimaan penduduk yang sudah mendahului mendiami kampung berkenaan. Sedangkan perpindahan beliau dan keluarga berhubung peraturan dan undang-undang yang memungkinkannya sebagai seorang bekas anggota tentera memperoleh sebidang tanah kecil untuk didirikan rumah kediaman. Malah pada waktu itu, kawasan terbabit hanya bekas perlombongan bijih timah yang tidak lagi mengeluarkan hasil buminya.

Dalam konteks membangunkan kampung baru itu, tentunya beliau tidak bersendirian. Justeru, sebagai antara peneroka baru pada awal 1970-an, tidak mudah untuk membina landasan pembangunannya. Dimensi pembangunan infrastruktur, keselamatan, kesejahteraan dan penyatuan penduduk yang berbilang latar belakang menjadi agenda kepimpinannya. Ini semua pasti memerlukan kebijaksanaan, pendekatan strategik, kesabaran dan ketabahan yang kental.

Beliau dan rakan-rakan dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), menghadapi keadaan yang tidak mudah untuk menyatukan kependudukan baru yang membina rumah di atas lot tapak tanah yang ditentukan. Tanpa mengetahui siapa dan bagaimana latar belakang penduduk yang datang bermukim, tentulah beliau dan rakan-rakan menempuh fasa cabaran tersendiri, apabila jumlah penduduk bertambah besar.

Barangkali latar kerjayanya sebagai pegawai tentera berpangkat Pegawai Waran II pada penghujung perkhidmatannya, turut membantunya menjadi

pemimpin pragmatis di Kampung Selayang Pandang. Pelbagai pengetahuan teknik dan taktik tentera menjadi asas menggerakkan pasukan kepimpinan dan penduduk kampung dalam menghadapi pelbagai cabaran baru.

Kepimpinannya terus dimanfaatkan apabila beliau diangkat menerajui Jawatankuasa Surau pada 1976. Surau kecil yang dibina penduduk awal, bagai tiada peneraju. Sebagai seorang yang dididik dengan pendidikan agama yang kuat, Arham merasakan kepimpinan dalam pembangunan dan pemakmuran surau lebih mendasar dalam sebuah komuniti yang rata-rata beragama Islam. Justeru beliau memikul tanggungjawab dengan penuh iltizam. Berkat kepimpinannya bermula 1976 hingga 2009 sebagai Pengerusi dan sebagai Nazir kemudian (mulai 1988) surau terus berkembang dan diangkat statusnya menjadi masjid yang membolehkan pelaksanaan ibadah solat Jumaat dilakukan.

Haji Arham dan jawatankuasanya bertungkus-lumus menghidupkan budaya mencintai agama dalam kalangan penduduk. Beliau berpendapat, surau atau masjid bukan saja tempat melakukan ibadah khusus seperti sembahyang malah lebih daripada itu. Dalam era kefahaman masyarakat terhadap agama belum bersifat syumul, tidak seperti dalam dekad mutakhir, pada 1970-an Haji Arham mengajak masyarakat sekurang-kurangnya



Haji Arham (tengah) berucap selepas menerima Anugerah Maal Hijrah 1440 peringkat Kampung Selayang Pandang.

menyempurnakan tuntutan agama yang asas.

Pelbagai aktiviti surau yang bersifat mendidik kefahaman dan penghayatan hidup beragama dianjurkan. Tidak ketinggalan aktiviti bersempena hari kebesaran Islam, semuanya bertujuan mendekatkan seluruh masyarakat kepada masjid sebagai sumber ilmu dan penyatuan penduduk. Pastinya tidaklah semudah yang difikirkan. Pelbagai

cabaran dihadapi. Sekali lagi latihan dan disiplin ketenteraan mengampuhkannya.

Sepanjang pembabitannya dalam kepimpinan kampung, pelbagai perkara diperjuangkannya termasuk kemudahan untuk penyelesaian penduduk. Antaranya adalah pembesaran bangunan surau, pelebaran dan mendalamkan sungai yang menjadi punca banjir dan kawasan perkuburan untuk penduduk

kampung di Bukit Legung, tidak jauh dari perkampungan. Namun ada satu perkara yang sudah diperjuangkannya sejak lebih 30 tahun lalu dan masih belum tertunai, iaitu membina Masjid Al-Muttaqin yang lebih besar dan selesa bagi menggantikan masjid sedia ada.

Rasa terkilan beliau lebih membekas kerana perjuangannya di peringkat awal untuk memperoleh tapak masjid tidak didukung sepenuhnya oleh pihak yang beliau anggap mempunyai kuasa mempermudah urusan tersebut. Rasa terkilannya menjadi luka apabila kemudian didapati kawasan yang diperjuangkannya sudah diagih-agih sesama kelompok tempatan yang berpengaruh. Manakala bagi kawasan kedua yang kini disahkan sebagai tapak Masjid Al-Muttaqin turut menyaksikan perjalanan berliku dan mencabar. Kini hanya menanti bilakah impiannya untuk melihat Masjid Al-Muttaqin yang lebih baik menjadi kenyataan.

Demikian perjalanan seorang wira yang tidak didendang. Pada saat tokoh besar menerima anugerah yang megah, wira kecil ini yang jiwanya terus mencintai ilmu dan masjid, berasa amat tersanjung walaupun sekadar menerima sekeping sijil, sebuah kitab suci al-Quran, sebuah rehal dan sehelai serban sebagai saksi pengorbanannya menyemarak kehidupan beragama di Kampung Selayang Pandang.

Penulis Pengarah Eksekutif  
Pentadbiran UKM

## Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

EH, BAMBANYA KAU SEKARANG, YAM? KALAU KAU NAK KURUSKAN BADAN AKU ADA JUAL SUPLEMEN NI. ALA, MAKANAN TAMBAHAN. NAK CUBA?

TAK PAYAH LA KIAH, OIL. HARI-HARI DIA DOK AMALKAN DAH. TIAP KALI MAKAN, BERTAMBAH-TAMBAH!

